

22 JUN 2002

KEDAH AKAN BUAT KENDURI KESYUKURAN

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Kedah akan mengadakan majlis kenduri secara besar-besaran sebagai tanda kesyukuran kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menarik balik peletakan jawatan sebagai presiden Umno.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata majlis itu akan diadakan Isnin ini di kediaman rasminya di Mentaloon, Alor Setar di mana kira-kira 10,000 orang dijangka hadir.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat tergepar badan perhubungan negeri itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, beliau berkata semua anggota parti komponen Barisan Nasional dijemput menghadiri kenduri itu yang akan diadakan selepas Maghrib.

"Kenduri itu juga adalah sebagai tanda sokongan rakyat Kedah kepada Dr Mahathir supaya terus memimpin Umno dan kerajaan," katanya.

Selain itu, katanya, majlis kesyukuran juga kemudian akan diadakan di semua masjid di seluruh Kedah.

-- BERNAMA

AKT ZS MOZ